

# Mahathir: Salah

## satu projek

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## bagi mencapai

## matlamat RMK

PELANCARAN projek Bandar Baru Kuantan di Atabara merupakan satu detik bersejarah bagi pembangunan Negeri Pahang oleh kerana ianya mengasaskan pemikiran dan strategi di dalam pembangunan perbandaran.

Projek perbandaran seperti ini merupakan sebuah perancangan perintis yang mempunyai matlamat menepati keperluan ekonomi serantau sementara mengawass pencapaian matlamat perkembangan bandar yang sempurna menurut Dasar Ekonomi Baru.

Bandar Baru Kuantan di Atabara ini, saya diberi maklum hanyalah merupakan projek yang awal di dalam bidang perancangan-perancangan perbandaran di seluruh Negeri Pahang.

Oleh itu, sukacita saya mengalu-alukan Kerajaan Negeri Pahang dalam usahanya menghadapi tugas yang mencabar ini dan saya yakin usaha-usaha ini akan mencapai kejayaan.

Pembangunan pertanian dan perindustrian yang pesat di Pantal Timor Semenanjung Malaysia mengwujudkan banyak keperluan infrastruktur dan perkhidmatan asas.

Perancangan dan perkembangan Bandar Kuantan yang tersusun sebagai sebuah pusat perkhidmatan dengan sendirinya akan menampung keperluan perkhidmatan atas 'services' yang diperlukan oleh pembangunan perindustrian minyak dan gas yang sedang pesat dilaksanakan di Negeri Trengganu.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan semoga semua golongan rakyat akan dapat mengecap nikmat dari kemajuan pesat yang sedang dialami di rantau ini.

Saya berdoa kehadiran Allah Subhanahuwataala semoga akan direstui usaha-usaha pembangunan Negeri Pahang supaya tercapai kejayaan yang cemerlang.



●DATUK SERI DR. MAHATHIR